

PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

UTHM.PB/100-6/4/1 Jld 2 (7)

Tarikh : 28 Januari 2014

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL 1/2014

**Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

Y.Bhg. Dato' / Prof / Tuan / Puan,

**PINDAAN KELAYAKAN PAKEJ PENGINAPAN DAN MAKAN BAGI PENGANJURAN
BENGKEL/MESYUARAT DI HOTEL**

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan mengenai pindaan kelayakan penginapan di hotel seperti dalam Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1/2010 dan penetapan siling pakej penginapan dan makan bagi penganjuran bengkel/mesyuarat di hotel.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah mengeluarkan garis panduan perbelanjaan berhemah mulai tahun 2008 dan Pekeliling terbaru melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/2014.
- 2.2 Universiti telah mengeluarkan pekeliling perbelanjaan berhemah melalui Pekeliling Bendahari Bil. 8/2008 untuk diguna pakai oleh semua PTJ. Universiti juga telah meluluskan Garis Panduan tambahan berkaitan dengan perbelanjaan berhemah yang diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Universiti Bil. 17/2009.
- 2.3 Surat Pekeliling Bendahari (SPB) Bil. 1/2010 telah dikeluarkan untuk dibaca bersama dengan Pekeliling Bendahari Bil. 8/2008 tersebut. Had kelayakan penginapan mengikut gred jawatan telah dinyatakan dalam SPB Bil 1/2010.
- 2.4 Tujuan utama penetapan had kelayakan penginapan secara bilik berdua bagi gred 45 dan ke bawah dalam SPB 1/2010 adalah bagi penjimatan kos terutama bagi penganjuran bengkel yang diadakan di hotel oleh PTJ. Had kelayakan ini tidak diguna pakai bagi staf menginap di hotel bagi tugas rasmi atau kursus. Ianya tertakluk kepada kelayakan elauan sewa hotel mengikut gred masing-masing sebagaimana dinyatakan dalam pekeliling berkaitan.

- 2.5 Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Akaun Universiti Bil. 3/2013 yang bersidang pada 22 Julai 2013 telah meluluskan cadangan pindaan kelayakan penginapan di hotel seperti dalam Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1/2010 iaitu dari bilik berdua kepada bilik perseorangan bagi Gred 41 hingga 45 dan bersetuju dengan penetapan siling pakej penginapan dan makan bagi penganjuran bengkel/mesyuarat di hotel iaitu dengan kadar tidak melebihi RM200 seorang/hari untuk bilik perseorangan.

3.0 PINDAAAN KELAYAKAN PENGINAPAN DI HOTEL

3.1 PENGINAPAN DI HOTEL

3.1.1 Perenggan 2.1.1 dalam SPB Bil. 1/2010 adalah dipinda seperti berikut:

- i. Gred 41 dan ke atas – Penginapan secara bilik perseorangan (*single*) adalah dibenarkan tertakluk kepada had kelayakan masing-masing atau peraturan lain berkuatkuasa.
- ii. Gred 40 dan kebawah – Penginapan secara bilik berdua (*twin sharing*).

3.2 PENETAPAN SILING

- 3.2.1 Bagi pakej penginapan dan makan untuk penganjuran bengkel / mesyuarat di hotel, had siling yang ditetapkan adalah pada kadar **tidak melebihi RM200 seorang bagi satu malam** bagi semua gred jawatan tanpa mengira jenis bilik.
- 3.2.2 Had kelayakan sebenar elauan sewa hotel mengikut gred jawatan adalah tidak digunakan bagi tujuan penginapan bengkel / mesyuarat yang dianjurkan oleh PTJ walaupun kelayakan sebenar adalah melebihi RM200.
- 3.2.3 Had kelayakan hanya boleh digunakan untuk tujuan pengiraan dalam kertas kerja sahaja.

3.3 JENIS PROGRAM

- 3.3.1 Pindaan had kelayakan hanya dibenarkan untuk aktiviti berbentuk bengkel / mesyuarat anjuran PTJ yang diadakan di hotel sahaja.
- 3.3.2 Bagi program berbentuk kursus / team building anjuran PTJ, semua penginapan adalah secara bilik berdua tanpa mengambil kira gred jawatan.

4.0 TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh Surat Pekeliling ini ditandatangani.

5.0 PEMBATALAN


Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Bendahari ini, **Perkara 2.1.1 dalam Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1/2010** adalah dibatalkan. Lain-lain peraturan adalah masih berkuatkuasa.

Kerjasama dan perhatian Y. Bhg. Prof Dato' / Prof / Tuan / Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkan kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"

Yang benar,


MISRO BIN JERUT
Bendahari

- | | | |
|-----|---|-----------------------|
| s.k | : | Y. Bhg. Naib Canselor |
| : | Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) | |
| : | Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) | |
| : | Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) | |
| : | Ketua Unit Audit Dalam | |